

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PUSAT RAKET DUNIA
Lokasi : KAJANG, SELANGOR
Tarikh : 14-06-1998

Pertama sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Country Heights kerana mengundang saya untuk merasmikan World Racquet Centre atau Pusat Raket Dunia.

Saya gembira melihat ramai sekali pemain muda Asia berkumpul di sini pada hari ini. Bersama-sama kita juga pada hari ini ialah Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Kesatuan Badminton Asia (ABC). Saya ingin mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada pihak ABC di atas perkembangan progresif sukan badminton di Asia. Ini jelas terbukti apabila kedua-dua finalis di dalam pertandingan Uber & Thomas Cup adalah dari Asia. Syabas!

2. Saya difahamkan bahawa ibu pejabat ABC sekarang bertempat di Pusat Raket Dunia ini. Saya yakin ia akan dijadikan pusat fokus bagi program-program mereka. Oleh kerana badminton sudah dianggap sebagai Sukan Asia dan dimonopoli oleh pemain-pemain Asia, pihak ABC mestilah mengambil kira dan memastikan aspek perkembangan dan pentadbiran permainan ini tidak diketepikan.

3. Acara pada hari ini selaras dengan usaha-usaha untuk mengorak langkah ke arah perkembangan sukan badminton terutamanya di Malaysia. Dengan pembukaan rasmi Pusat Raket Dunia ini, saya pasti Malaysia akan ditempatkan di persada sukan badminton dunia. Kemudahan latihan yang lengkap dan keadaan persekitaran pusat ini amat ideal bagi ahli-ahli sukan. Dengan program-program yang diaturkan oleh Pusat Raket Dunia, saya yakin ia akan dapat menarik minat bukan sahaja pemain Malaysia tetapi juga pemain-pemain dari negara asing.

4. Konsep 'Sport Sharing' yang diperkenalkan di Pusat Raket Dunia ini amat dialu-alukan kerana ia memberi peluang kepada keluarga-keluarga, firma-firma dan organisasi merancang aktiviti-aktiviti sukan dan riadah serta percutian secara menyeluruh ataupun berkumpulan.

5. Saya amat prihatin sekali tentang kekurangan kemudahan-kemudahan sukan badminton di negara kita, di mana kita cuba mengatasinya melalui program '1001 Gelanggang Rakyat' dengan membina dewan-dewan badminton di kawasan luar bandar. Kemunculan Pusat Raket Dunia dapat menambah kemudahan-kemudahan permainan, dengan adanya villa-villa sebagai tempat penempatan dan rumah kelab bagi makanan dan rekreasi. Seperti apa yang disampaikan oleh Punch Gunalan di dalam ucapan beliau, saya yakin banyak firma bukan sahaja akan mengambil peluang menggalakkan lagi permainan badminton di antara pekerja-pekerja mereka, tetapi juga berhasrat untuk mencapai tahap kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

6. Di dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi, amatlah digalakkan supaya Malaysia menjual teknologinya ke peringkat dunia, melalui Pusat Raket Dunia. Saya amat gembira sekali melihat bintang-bintang badminton antarabangsa antara yang hadir pada hari ini. Ini menjadi motivasi kepada pemain-pemain muda yang mengambil bahagian di dalam Junior Championship. Kepada semua yang mengambil bahagian, selamat maju jaya, "May the best player win".

7. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, dan dengan ini saya merasmikan Pusat Raket Dunia.